

KDYTM TENGKU MAHKOTA PAHANG SELAMI CARA HIDUP ORANG ASLI

PEKAN, 3 MAC 2024 : Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berpeluang menyelami cara kehidupan masyarakat Orang Asli ketika singgah di hentian ketiga Ekspedisi Mahkota Mudik Sungai Pahang di Kampung Orang Asli (KOA) Tanah Merah, Pekan.

Ketibaan baginda bersama rombongan ekspedisi kira-kira jam 3.20 petang disambut meriah oleh penduduk Orang Asli meskipun hujan lebat.

Baginda turut ditemani YAM Tengku Panglima Raja Tengku Amir Naseer Ibrahim Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Exco Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan bukan Kerajaan Negeri Pahang, YB. Tuan Fadzli Mohamad Kamal dan Pegawai Daerah Pekan, YH. Dato' Zaliza Zulkipli.

Ketika berada di KOA Tanah Merah, baginda berkenan melakukan aktiviti menyumpit dan dipersembahkan tarian sewang oleh masyarakat Orang Asli.

KDYTM Tengku Mahkota turut berkenan mengurniakan sumbangan kepada 92 ketua isi rumah Orang Asli sebelum beramah mesra dengan komuniti di situ.

Ekspedisi Mahkota Mudik Sungai Pahang sejauh 400 kilometer ini berlangsung selama empat hari bermula hari ini hingga Rabu dan akan singgah di enam daerah di sepanjang jajaran Sungai Pahang iaitu Pekan, Maran, Bera, Temerloh, Jerantut dan Lipis.

Pelbagai program bantuan asnaf, aktiviti dan acara tradisional telah dirancang di setiap hentian di enam daerah sebagai pengisian program berkenaan. -
PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh : Fansurina Abdullah

Foto : Farizul Hafiz Awang

(LIPUTAN BERGAMBAR)



 PAHANG MEDIA
FARIZUL HAFIZ AWANG



